

1.6 Tafsiran dalam Sejarah

- 1 Bererti menerangkan atau mengulas sesuatu fakta sejarah berdasarkan sumber-sumber yang berkaitan dengannya.
- 2 Perbezaan tafsiran dalam sejarah disebabkan pemilihan sumber yang pelbagai, perbezaan pandangan, perbezaan ideologi dan tujuan penulisan.
- 3 Kepentingan tafsiran dalam sejarah adalah untuk menggalakkan kita menggunakan pelbagai sumber dalam penulisan, menilai sesuatu peristiwa dari sudut yang berbeza dan mendorong kita berfikir terbuka dan kritis.

1.7 Kepentingan Mempelajari Sejarah

- 1 Antara kepentingan mempelajari sejarah ialah mengenal asal usul, mengambil iktibar, memupuk patriotisme, mengukuhkan perpaduan, membangunkan negara dan bangsa serta mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah.

Praktis DSKP

1.1 Pengertian Sejarah

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang tepat. (TP1) MS.Teka 4

pokok	historia	history	tambo
penyelidikan	asal usul	syajaratun	cerita

